

Terengganu sasar juara Sukma

Oleh **KAMARUDDIN HAMZAH**
sukan@utusan.com.my

BESUT - Terengganu menyoalakan kutipan 63 pingat emas menerusi 401 atletnya untuk kembali menjadi juara Sukan Malaysia (Sukma) XVII yang akan berlangsung di Perlis mulai 24 Mei hingga 4 Jun.

Ketua kontinjer, Mohd. Mahdi Musa yang akan mengiringi pemergian mereka hari ini berkata, sasaran itu turut disandarkan kepada beberapa acara seperti lumba basikal dan perahu layar di samping olahraga,

taekwondo, tinju dan karate.

Ketika Sukma mini tahun lalu di Kuala Lumpur, Terengganu menduduki tempat kedua keseluruhan, ketinggalan kepada Selangor dengan empat emas.

"Terengganu menjuarai Sukma pada tahun 2008, 2010 dan 2012. Dengan menasaskan 15.7 peratus daripada pingat emas yang dipertandingkan pada kali ini kami berharap Terengganu akan muncul

juara keseluruhan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas perasmian Sambutan Hari Guru Peringkat Sekolah-sekolah Zon Kota Putera di Pejabat Pelajaran Daerah Besut semalam.

Sehubungan itu, katanya, atlet Sukma kali ini giat menjalani latihan bagi memantapkan prestasi sejak awal tahun ini termasuk di Indonesia, Thailand, Laos dan Vietnam bagi acara taekwondo, silat, lumba basikal dan karate.

Beliau berkata, sebagai galakan, Menteri Besar, Datuk Ahmad Razif Abdul



MOHD. MAHDI MUSA

Rahman meneruskan langkah pemberian insentif segera kepada atlet yang memperoleh pingat emas.

"Atlet yang memenangi pingat emas akan diberikan hadiah wang tunai RM300, perak RM200 dan gangsa RM100 di gelanggang sebaik sahaja mereka muncul juara," ujarnya.

Mohd. Mahdi yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Putera berkata, insentif tersebut tidak termasuk bonus yang akan diberikan kepada atlet setelah pulang daripada kejohanan.